

17 August 2018 (Friday)

Matrix Concept catat keuntungan terbaik

Oleh NAZARUDIN SHAHAR
ekonomi@utusan.com.my

SEREMBAN 16 Ogos - Pemaju hartanah, Matrix Concepts Holding Berhad (MCHB) mencatatkan prestasi terbaik sejak disenaraikan di Bursa Malaysia pada 2013 dengan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM213.3 juta bagi tahun kewangan 2018.


Pengerusi MCHB, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, pencapaian itu meningkat kira-kira 10 peratus berbanding RM187.8 juta yang dicatatkan tahun lalu dan RM145.7 juta pada 2016.

Secara perbandingan katanya, kumpulan itu mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM103.5 juta pada 2013.

"Sejak disenaraikan pada 2013, syarikat ini telah mencapai pertumbuhan yang konsisten dan ia sesuatu prestasi yang membanggakan bagi kami dan para pemegang saham," katanya dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan MCHB 2018 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif MCHB, Datuk Lee Tian Hock.

Mohamad Haslah berkata, MCHB meraih pendapatan sebanyak RM818.5 juta bagi tahun kewangan 2018 manakala keuntungan sebelum cukai berjumlah RM295.2 juta dengan permodalan



MOHAMAD HASLAH MOHAMAD AMIN (dua dari kiri) bersama Lee Tian Hock (dua dari kanan) melihat Buku Laporan Tahunan MCHB 2018 pada Mesyuarat Agung Tahunan MCHB 2018 di Seremban, semalam. - UTUSAN/ABD RAZAK AID

pasaran lebih RM1.5 bilion.

Sehingga 31 Mac lalu, kumpulan itu sedang melaksanakan pembangunan bernilai kira-kira RM2.6 bilion, berbanding RM1.8 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Tambahnya, semua projek pembangunan yang dilaksanakan oleh MCHB telah memberi sumbangan positif terhadap pendapatan kumpulan termasuk 52 unit apartmen butik, M.Carnegie di Melbourne, Australia yang hanya berbaki tiga unit sahaja.

"Kami masih memberi tump-

uan utama untuk menyediakan perumahan mampu milik selaras dengan dasar perumahan di negeri ini.

"Kami percaya sektor ini tetap mempunyai potensi besar untuk dibangunkan," ujarnya.

Mengenai pelaburan di luar negara, Mohamad Haslah berkata, syarikat itu telah membeli sebidang tanah seluas 24 hektar juga di Melbourne dan menandatangani memorandum persefahaman dengan Kumpulan Salim bagi membangunkan Daerah Kewangan Islam di Jakarta, Indonesia.